



Dokumen ini menggariskan mandat pelaburan mampan, pendekatan, dan langkah tadbir urus

## 1. Tujuan dokumen

- 1.1. Sebagai dana kekayaan berdaulat negara Malaysia, Khazanah mempunyai tanggungjawab untuk mencipta nilai lebih dari aspek kewangan untuk negara dan rakyat masa hadapan. Kami sedia maklum terhadap impak pelaburan Khazanah kepada seluruh lapisan masyarakat serta alam sekitar negara. Oleh itu, Khazanah mengambil pendekatan secara menyeluruh terhadap kemampunan yang merangkumi tingkah kelakuan kami sebagai pelabur serta cara bekerja sehari-hari syarikat. Pendekatan kami dibentuk secara holistik dan menumpukan isu-isu yang memberi kesan kepada Khazanah dan portfolio kami.
- 1.2. Objektif Polisi Pelaburan Mampan (*Sustainable Investment* atau SI) yang digubal oleh Khazanah adalah ringkasan terhadap prinsip dan komitmen berhubung pelaburan yang mampan. Pelaburan Mampan ialah pelaburan yang mampu menjana pulangan kewangan, pengurusan risiko yang lebih baik dan menjana nilai mampan untuk jangka panjang.
- 1.3. Polisi ini berdasarkan falsafah pelaburan kami yang termaktub dalam Penyata Polisi Pelaburan. Polisi ini akan diterapkan dalam proses yang terkandung dalam dokumen tadbir urus pelaburan bagi membimbing pasukan kelas dan sektor aset dalam usaha untuk menerapkan aspek ESG dalam setiap pendekatan yang diambil di Khazanah.
- 1.4. Skop dan kebolehgunaan – polisi ini mentadbir segala pelaburan baharu dan syarikat pelaburan dalam portfolio kami.

## 2. Mandat Pelaburan Mampan

- 2.1. Polisi Pelaburan Mampan adalah berdasarkan mandat pelaburan keseluruhan Khazanah, iaitu memainkan peranan utama dalam membentuk peralihan yang saksama dan bertanggungjawab untuk mencapai masa hadapan yang lebih baik untuk Malaysia.
- 2.2. Ia adalah prinsip yang diterima secara meluas yang mana pelaburan secara bertanggungjawab yang mengintegrasikan faktor-faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (“ESG”) boleh membantu dalam aspek pengurusan risiko dan penjanaan pulangan jangka panjang yang mampan.



- 2.3. Khazanah telah mengenal pasti nilai asas berikut yang mendorong tindakan kami:
  - a) Berbuat Baik – Berhajat untuk menghasilkan impak positif
  - b) Berbuat Lebih Baik – Berhajat untuk menghasilkan impak yang lebih positif
  - c) Jangan Lakukan Kemudarat – Mengelak impak negatif
- 2.4. Tambahan pula, kami telah menggubal prinsip-prinsip berikut yang merupakan asas panduan bagi kami beroperasi sebagai sebuah organisasi.
  - a) Memenuhi piawaian undang-undang dan etika;
  - b) Bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingan;
  - c) Pastikan pulangan bersesuaian dengan risiko yang diambil;
  - d) Bertindak dengan adil dan bijak;
  - e) Bertindak secara praktikal dan logik;
  - f) Mengutamakan inti pati berbanding rupa bentuk;
  - g) Mengutamakan libat urus aktif berbanding pelupusan.
- 2.5. Pendekatan Khazanah terhadap kemampunan sebagai sebuah organisasi telah digariskan dalam Rangka Kerja Kemampunan kami, berpaksikan kepada tonggak ESG. Kami juga bertekad untuk mencapai beberapa sasaran jangka sederhana serta panjang yang akan membimbing usaha kemampunan keseluruhan organisasi. Rangka kerja dan sasaran kami telah diterbitkan di laman web rasmi Khazanah ([link](#)) dan akan dikemaskini secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan dalam jangka panjang.
- 2.6. Selari dengan perkara di atas, kami tidak akan melabur dalam syarikat yang tidak selari dengan komitmen kami terhadap pelaburan mampan, termasuk syarikat yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
  - a) Produk atau aktiviti yang menyalahi undang-undang di negara asal;
  - b) Aktiviti berkaitan buruh paksa, eksloitasi kanak-kanak atau pemerdagangan manusia yang berleluasa dan tidak dibendung;
  - c) Pencabulan serius terhadap hak individu dalam situasi peperangan dan/ atau konflik;
  - d) Aktiviti yang menjas teruk alam sekitar yang berleluasa dan tidak dibendung;
  - e) Aktiviti berkaitan rasuah, pecah amanah atau pengubahan wang haram yang berleluasa dan tidak dibendung;
  - f) Pengusahaan alkohol dan tembakau, pengeluaran dan pengedaran pornografi serta aktiviti perjudian;
  - g) Pengeluaran, pengedaran atau operasi lain yang berkaitan dengan senjata atau peralatan ketenteraan lain yang bertentangan dengan konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia adalah penandatangan; dan
  - h) Produk, aktiviti atau sektor lain yang bertentangan dengan dasar negara.



Bagi pelaburan yang dilaksanakan oleh Khazanah menerusi pengurus dana luar, kami sedar akan potensi pendedahan kepada aktiviti-aktiviti yang disenaraikan di atas, justeru kami akan melaksanakan penilaian yang teliti apabila memberi komitmen kepada dana luar yang baharu.

Bagi syarikat pelaburan kami yang menyokong produk-produk yang disenaraikan di atas atau memberi perkhidmatan secara tidak langsung pula, pihak pengurusan akan mengkaji semula dan menilai syarikat tersebut untuk mengenal pasti tahap pendedahan kepada produk dan perkhidmatan yang tersenarai, dan seterusnya mempertimbangkan cara untuk mengelakkan atau mengurangkan pendedahan tersebut.

- 2.7. Prinsip-prinsip pelaburan mampan Khazanah selaras dengan prinsip pelaburan mampan ahli rangkaian dan kod normatif yang kami patuhi. Kami memeterai Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (“PRI”) yang disokong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kod Pelabur Institusi Malaysia (“MCII”) dan Prinsip Santiago (“*Santiago Principles*”). Rujuk Lampiran untuk maklumat menyeluruh tentang prinsip-prinsip yang dirujuk di atas.

### 3. Pendekatan Pelaburan Mampan

- 3.1. Pendekatan kami menetapkan cara kami mengaplikasikan prinsip pelaburan mampan di Khazanah. Matlamat kami adalah untuk mengintegrasikan pelaburan yang mampan ke dalam proses pelaburan dan pembuatan keputusan, termasuk:
  - a) Menggabungkan isu-isu ESG dan pertimbangan etika dalam merangka strategi, penapisan, dan pemilihan pelaburan;
  - b) Memasukkan pertimbangan ESG dalam proses dalaman untuk memantau prestasi syarikat portfolio Khazanah;
  - c) Jika berkenaan, melibatkan pihak berkepentingan dan melaksanakan hak kami sebagai pemegang saham untuk menambah baik amalan perniagaan bertanggungjawab syarikat portfolio kami berdasarkan dokumen Jangkaan Pemegang Saham dan Kepengurusan Pelaburan Khazanah (*Shareholder Expectations and Investment Stewardship*);
  - d) Berusaha untuk mengintegrasikan keperluan ESG dalam sebarang pengaturan kontrak dengan pengurus pelaburan luar; dan
  - e) Melaporkan aktiviti-aktiviti dan hasil pelaburan mampan kami kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran utama.

- 3.2. Kami berusaha untuk menjadi pragmatik dan berpegang kepada prinsip dengan mengambil kira pelbagai faktor yang mungkin berbeza antara syarikat bawah portfolio kami (sila rujuk kepada Penyata Polisi Pelaburan untuk struktur



pelaburan) seperti mandat pelaburan, tempoh pelaburan, tahap pengaruh dan kelas aset. Had yang mana kami mengintegrasikan pelaburan mampan dalam proses dan penghasilan keputusan adalah berdasarkan faktor-faktor tersebut.

- 3.3. Kami akan meneruskan sesi libat urus secara berterusan dengan syarikat portfolio kami kerana ia penting untuk penciptaan nilai yang mampan dalam jangka masa panjang dan ia juga tanggungjawab kami sebagai pemegang saham yang aktif untuk memastikan syarikat portfolio kami terus menambah baik amalan mampan mereka di mana berkenaan. Kami juga akan berkomunikasi dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan di Malaysia dalam memainkan peranan kami sebagai pengurus syarikat portfolio kami.
- 3.4. Sekiranya syarikat portfolio kami sedia ada menghadapi sebarang isu berkaitan ESG, secara amnya, pendekatan yang diambil oleh Khazanah adalah seperti berikut:
  - a) Isu yang Meningkat Serius:
    - i. Jawatankuasa Pelaburan akan dimaklumkan tentang pelanggaran isu-isu ESG oleh syarikat portfolio Khazanah. Perkara tersebut akan dibangkitkan oleh pasukan M&M Bahagian Pelaburan yang berkaitan
  - b) Libat Urus Aktif:
    - i. Syarikat yang membimbingkan akan diletakkan bawah pemerhatian khusus dalam tempoh pengawasan yang munasabah
    - ii. Dalam situasi yang mana Khazanah boleh mempengaruhi syarikat portfolio, isu yang berpotensi untuk diselesaikan akan ditangani melalui penggunaan aktif hak pemilikan Khazanah atau aktiviti libat urus yang lain bersama pihak pengurusan syarikat portfolio untuk merangka dan melaksanakan rancangan penambahaikan
  - c) Pelupusan:
    - i. Dalam situasi yang mana isu yang dihadapi menjadi semakin buruk merosot melepas tahap yang boleh diterima oleh Khazanah, syarikat portfolio tersebut boleh dilupuskan oleh Khazanah berpandukan kepada Perkara Jadual untuk Lembaga Pengarah dan Had Kuasa

### 4. Tadbir Urus Pelaburan Mampan

- 4.1. Secara amnya, tadbir urus hal-hal berkaitan kemampanan di Khazanah diselia oleh Pasukan Kemampanan Pusat di Bahagian Strategi, dan perkara berkaitan pelaburan akan diruskan oleh Pasukan Pelaburan Mampan di Bahagian Pelaburan (IMO).
- 4.2. Pelaksanaan dan pengawasan pelaburan mampan di Khazanah akan diuruskan pada beberapa peringkat melalui fungsi yang dipaparkan di bawah (Nota: Segala isu kemampanan berkaitan dengan pelaburan akan dibincangkan di



Jawatankuasa Pelaburan):

a) **Fungsi Pasukan Pelaburan**

- i. Mengintegrasikan ESG dan pertimbangan etika sebagai sebahagian daripada aktiviti pelaburan, pemantauan dan pelupusan
- ii. Mengadakan sesi libat urus dengan pihak pengurusan syarikat pelaburan Khazanah mengenai isu berkaitan ESG

b) **Fungsi Pasukan Pelaburan Mampan**

- i. Penajaran kemampunan secara keseluruhan:
  - Selaras dengan Pasukan Kemampunan Pusat mengenai strategi, polisi dan rangka kerja yang berkaitan
- ii. Pengawasan integrasi Pelaburan Mampan:
  - Menyemak semula, dan jika perlu, menambah baik Polisi Pelaburan dan Strategi Pelaburan untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG, termasuk Polisi Pelaburan Mampan
  - Menyediakan pandangan berkaitan kemampunan untuk menyokong integrasi Polisi Pelaburan Mampan dalam kelas-kelas aset dan pasukan sektor Khazanah
  - Menjalankan analisis ESG untuk memberikan pandangan tentang pengurusan risiko serta peluang ESG yang berkaitan dengan portfolio pelaburan Khazanah
- iii. Pemantauan & Advokasi Pelaburan Mampan:
  - Memantau pelaksanaan proses Pelaburan Mampan di seluruh Bahagian Pelaburan mengikut sasaran dan pencapaian yang ditetapkan
  - Memastikan data pelaburan mampu untuk memperoleh petunjuk ESG yang relevan bagi portfolio pelaburan Khazanah
  - Memantau prestasi ESG syarikat portfolio Khazanah untuk:
    - Kenal pasti sektor keutamaan / syarikat portfolio yang mempunyai risiko ESG yang tinggi
    - Jika sesuai, mengadakan sesi libat urus dengan syarikat portfolio bersama pasukan pelaburan Khazanah yang relevan untuk memberi sokongan yang diperlukan
    - Memberi sokongan kepada Pengarah Nomini Khazanah untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan ESG secara berkesan
- iv. Pendedahan dan komunikasi tentang pelaburan mampan
  - Memacu pendedahan berkaitan dengan pelaburan mampan, sejajar dengan rangka kerja yang relevan yang telah ditentukan oleh Pasukan Kemampunan Pusat
  - Menyokong Pasukan Kemampunan Pusat dalam hal-hal komunikasi dengan pihak berkepentingan berkaitan dengan pelaburan seperti Institutional Investor Council Malaysia, PERKUKUH dan dana antarabangsa.

c) **Jawatankuasa Pelaburan**

- i. Mengintegrasikan prinsip pelaburan mampan dalam kitaran tempoh

- pelaburan di Khazanah
- ii. Membincangkan respons yang sesuai terhadap isu-isu ESG yang telah dipertingkatkan

d) **Lembaga Pengarah**

i. EXCO:

- Meluluskan Polisi Pelaburan Mampan
- Memberi pengawasan dan akauntabiliti terhadap pelaksanaan Polisi Pelaburan Mampan
- Membincangkan tindakan yang sesuai bagi isu-isu ESG yang diangkat untuk perhatian.

## 5. Kawalan dan Penyelenggaraan

5.1. Polisi ini adalah milik Khazanah Nasional Berhad. Pasukan Kemampanan Pusat adalah pihak yang bertanggungjawab atas polisi ini dan penyelenggaraannya. Segala pindaan yang dibuat terhadap polisi ini akan direkodkan. Maklumat yang relevan seperti nombor kawalan versi dokumen, tarikh pindaan dan peruntukan yang dipinda akan direkodkan dalam jadual pindaan berikut.

Nombor Versi	Tarikh	Dikeluarkan		Dimasukkan	
		Peruntukan	Ulasan (halaman)	Peruntukan	Ulasan (halaman)
1.0	2/08/22			1.1, 1.2, 1.4, 1.5, 2.1, 2.4, 2.5, 4.1, 5	Dikemaskini berikutan penubuhan Rangka Kerja dan Sasaran Kemampanan Khazanah

### Lampiran 1

- a) **Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (“UNPRI”).** Prinsip-prinsip tersebut memerlukan penandatangan kepada:

- Prinsip 1: Menggabungkan isu ESG dalam analisis pelaburan dan proses penghasilan keputusan.
- Prinsip 2: Menjadi pemilik aktif dan merangkumkan isu ESG dalam polisi dan amalan kami.
- Prinsip 3: Mendapatkan pendedahan yang bersesuaian mengenai isu ESG dengan entiti yang kami melabur.
- Prinsip 4: Menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip dalam industri pelaburan.
- Prinsip 5: Bekerjasama untuk meningkatkan keberkesanan dalam melaksanakan Prinsip.
- Prinsip 6: Melaporkan aktiviti dan kemajuan kami ke arah melaksanakan Prinsip.

- b) **Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi (Malaysian Code for Institutional Investors):**

- Prinsip 1: Mendedahkan Polisi Kepimpinan
- Prinsip 2: Memantau Syarikat Pelaburan
- Prinsip 3: Libat Urus dengan Syarikat Pelabur
- Prinsip 4: Menguruskan Konflik Kepentingan
- Prinsip 5: Menggabungkan Pertimbangan Kemampanan
- Prinsip 6: Menerbitkan Polisi Pengundian

- c) **Prinsip Santiago (The Santiago Principles),** yang bertujuan untuk:

- Mengelakkan sistem kewangan global yang stabil serta aliran modal dan pelaburan yang bebas.
- Mematuhi semua keperluan pengawal seliaan dan pendedahan yang ada di negara-negara yang mana SWF melabur.
- Memastikan SWF melabur berdasarkan risiko ekonomi dan kewangan serta pertimbangan yang berkaitan dengan pulangan.
- Memastikan SWF mempunyai struktur tadbir urus yang telus dan kukuh yang menyediakan kawalan operasi yang mencukupi, pengurusan risiko dan akauntabiliti.